

Bersabar hadapi masalah negara: PM

20 MAK 1988

Oleh A. R. KAMALUDIN
dan ROSLI SAFAR



KOTA BHARU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan menentukan tidak siapa pun mengancam keamanan negara dan sehubungan itu akan melakukan apa sahaja bagi memastikan perpaduan di kalangan rakyat terus terpelihara.

Ini penting, bagi menjamin supaya segala rancangan pembangunan untuk kebaikan rakyat, terutama di kawasan luar bandar, akan terus berjalan seperti dirancang, katanya.

Berucap di hadapan lebih 50,000 orang ketika merasmikan projek perumahan Desa Darulnaim yang diusahakan oleh Perbadanan Kewangan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang berharga \$90 juta di Pasisir Tumboh, dekat sini petang ini, Perdana Menteri menggesa rakyat supaya sentiasa sanggup menerima cabaran dan bekerja keras serta menyambut baik segala rancangan itu untuk kepentingan mereka.

Beliau juga menggesa rakyat supaya sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran, terutama sekali ketika negara sedang mengalami suasana ekonomi yang lembap.

Katanya, melalui pelbagai projek pembangunannya, jangka panjang dan jangka pendek, kerajaan berharap dapat mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan terutama kepada belia.

Faedah

Kerajaan, tambahnya, akan berusaha sedaya upaya melaksanakan rancangan-rancangan memperbaiki taraf hidup rakyat, terutama golongan miskin di luar bandar, sekalipun peruntukan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kelima kurang daripada rancangan sebelumnya.

Sungguhpun pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak serancak sebelum kemerosotan ekonomi, rakyat akan tetap menikmati faedah pembangunan.

Beliau meminta rakyat bersabar dan memahami hakikat bahawa negara masih mengalami kekurangan kewangan kerana kemerosotan ekonomi.

Rakyat tidak seharusnya kecewa dengan kejatuhan harga beberapa komoditi seperti ge-

● Lihat muka 2
ruang 10

Projek akan diagih ke semua tempat

● Dari muka 1

tah, kelapa sawit dan minyak, tetapi hendaklah berusaha dengan gigih agar negara menjadi lebih makmur dan mereka dapat hidup dengan sempurna, kata beliau.

Beliau berkata, dalam melaksanakan program pembangunan, kerajaan bersikap adil kepada semua pihak dan sentiasa memberi perhatian berat kepada kawasan terpencil dan mundur.

Perdana Menteri, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari, berkata jika rancangan pembangunan banyak ditumpukan di kawasan bandar pada masa lalu, kerajaan akan mengagih-agihkan kepada semua tempat agar rakyat dapat menikmati faedahnya.

Katanya, penubuhan kampus Universiti Sains Malaysia di negeri ini adalah rancangan kerajaan untuk mengagih-agihkan nikmat pembangunan ke semua tempat.

Perdana Menteri juga mendedahkan ada pihak yang tidak bertanggungjawab bukan sahaja memeras duit rakyat di negara ini, tetapi juga menjalankan kegiatan yang sama di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri.

Katanya, setiap kali mengadakan ceramah golongan itu akan membawa 'bekas' untuk meminta duit daripada orang yang hadir.